

**NO. SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH  
PAIRIN KITINGAN**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9359**

**SOALAN:**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan memandangkan Jalan Kalabakan/Sapulut terbuka luas untuk digunakan oleh sesiapa sahaja, adakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan mengadakan kawalan polis dan imigresen di sempadan pedalaman untuk memastikan keselamatan orang awam terjamin dan supaya orang yang tidak bertanggungjawab terkawal dengan lebih efektif.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada masa ini tiada dalam perancangan untuk mengadakan kawalan polis (PGA) di sempadan pedalaman kerana ketika ini keutamaan diberikan untuk memamatkan kekuatan pasukan keselamatan di kawasan ESSZONE terlebih dahulu sebelum diperluaskan ke kawasan lain di Sabah. Perancangan kini adalah untuk mengisi perjawatan di Batalion ke-21 PGA di Kunak, Sabah dan balai-balai di bawah ESSCOM. Buat masa ini kawalan keselamatan adalah tertumpu kepada operasi-operasi di pesisir pantai dan pulau-pulau yang melibatkan “OP Taring”, “OP Tayang”, dan “OP Ledak”. Sepanjang laluan Kalabakan/Sapulut terdapat dua (2) Balai Polis iaitu Balai Polis Kalabakan dan Balai Polis Nabawan serta satu Pondok Polis Kawasan Pagalungan. Kawalan keselamatan sempadan sepanjang laluan tersebut adalah terletak di bawah tanggungjawab pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di mana terdapat tiga (3) pos kawalan yang beroperasi di bawah “OP Belasah” iaitu:-**

- 1. Pos Kalabakan**
- 2. Pos Serudung**
- 3. Pos Semangaris**

**Tahap keselamatan di kawasan berkenaan masih lagi di bawah kawalan dan tiada keperluan mendesak untuk pembinaan pos kawalan dalam waktu yang terdekat ini. Kementerian melalui PDRM akan sentiasa memantau tahap keselamatan di kawasan berkenaan**

**dari segi ancaman anasir luar dan keseriusan aktiviti penyeludupan PATI dan barangan bersubsidi di kawasan ini dari masa ke semasa. Kementerian akan membuat cadangan kepada pihak kerajaan untuk menambah perjawatan di Balai yang sedia ada atau mewujudkan Balai Baru jika terdapat keperluan di masa depan.**